



Agensi Kelayakan Malaysia
Malaysian Qualifications Agency

Tel: +603 8688 3611 | Faks: +603 8688 3600

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
(Chief Executive Officer)
AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA
(Malaysian Qualifications Agency)
Mercu MQA
No. 3539, Jalan Teknokrat 7, Cyber 5
63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan

NO GIFT POLICY

6/11/1

Ruj. Kami: MQA.100-1/7/2 Jld. 3 (6)

Tarikh 16 Januari 2020



KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

- All Deans
- AU Directors

Tuan/puan,

SURAT MAKLUMAN MQA BIL. 1/2020

PROF. DR. ISARJI HJ. SARUDIN
Deputy Rector, ODRAIL
30/11/2020

PENGHENTIAN PROSES PENILAIAN PROGRAM AKREDITASI PENUH

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Merujuk kepada Pekeliling MQA Bil. 6/2019 iaitu Perubahan Proses Dan Tempoh Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh mulai Julai 2019, MQA telah melaksanakan perubahan proses penilaian ini bermula pada 1 Julai 2019. Sepanjang pelaksanaan proses ini, MQA mendapati terdapat beberapa isu berkaitan pindah premis tanpa kebenaran/kelulusan dan tempoh kelulusan program yang telah tamat pengendaliannya oleh Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia.

3. Bagi memastikan kelancaran proses penilaian Akreditasi Penuh, PPT hendaklah memastikan kelulusan pindah premis dan pelanjutan tempoh kelulusan program daripada JPT telah diperolehi terlebih dahulu sebelum permohonan Akreditasi Penuh dimajukan kepada MQA.

4. Sekiranya PPT didapati gagal memastikan kelulusan pindah premis atau pelanjutan tempoh kelulusan program diperolehi, maka MQA akan menghentikan penilaian yang sedang diproses dan fi permohonan program tidak akan dikembalikan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(PROF. IR. DR. KHAIRUL SALLEH BIN MOHAMED SAHARI)
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Jaminan Kualiti)
(Menjalankan Tugas Ketua Pegawai Eksekutif)
Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)

Prof. Isarji
DZULKIFLI ABDUL RAZAK, Rector
Prof. Emeritus Tan Sri Dato'
International Islamic University Malaysia